

29 APR 1999

INTEL-KOMITMEN

INTEL NAK TINGKATKAN KOMITMEN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Syarikat pengeluar pemproses mikro terkemuka di dunia Intel Corporation akan meningkatkan komitmennya dalam beberapa tahun yang akan datang terutama dalam pelaburan untuk membantu merealisasikan aspirasi negara menjadi pusat kegiatan teknologi maklumat (IT) serantau.

Presiden dan ketua pegawai eksekutifnya Datuk Dr Craig R. Barret berkata pelaburan Intel sebanyak AS\$400 juta setahun sejak dua tahun lalu mencerminkan minat syarikat itu untuk berkongsi pengetahuan IT terbarunya dengan Malaysia.

Beliau memberitahu pemberita hari ini untuk cemerlang dalam e-dagang (e-commerce) Malaysia perlu meningkatkan gred "bandwith" Malaysia bagi menyelenggarakan data-data yang keluar dan masuk dari negara menerusi Internet.

Beliau berkata Malaysia harus meningkat gred empat kali ganda lagi "bandwith" 243 Megahertz semasanya untuk dimasukkan ke dalam kategori persaingan dalam e-dagang.

Barret juga berkata ketika pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, beliau menggariskan rancangan Intel untuk mengembangkan aktivitinya dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan melancarkan projek IT khas.

Beliau, bagaimanapun, enggan mendedahkan maklumat terperinci rancangan itu kepada pemberita. -- BERNAMA

RIZ ZK OS